



Headline: Mangsa Macau Scam  
Publication/Portal: Utusan Malaysia  
Date: 19 March 2022

Language: Malay  
Section: Dalam Negeri  
Page: 12

Wanita mudah panik,  
takut punca ramai tertipu

# Mangsa Macau Scam

Oleh **NURAINA HANIS ABD. HALIM**  
utusannews@mediamula.com/my

**PETALING JAYA:** Mudah panik dan takut kena tahan antara punca wanita ramai menjadi mangsa Macau Scam iaitu 6,513 orang dengan nilai kerugian RM327.78 juta dalam tempoh dua tahun ini.

Berdasarkan statistik Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Polis Diraja Malaysia (PDRM), sepanjang tahun lalu, sebanyak 6,353 kes dilaporkan dengan nilai kerugian RM198.1 juta manakala 6,007 kes (RM289.1 juta) pada 2020.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Mohd. Kamaruddin Md. Din berkata, dalam tempoh dua tahun tersebut, seramai 6,513 mangsa wanita manakala 5,846 adalah lelaki.

Menurut beliau, berdasarkan rekod PDRM, pekerja swasta adalah golongan profesion paling banyak yang ditipu apabila sebanyak RM175.44 juta membabitkan 6,275 orang dalam tempoh itu.

"Ia diikuti dengan pesara melibatkan 945 mangsa (RM110 juta); tiada pekerjaan (1,556 mangsa) dengan nilai kerugian RM76.9 juta dan 1,374 penjawat awam iaitu RM54.7 juta)

"Selain itu, kita mendapat terdapat mangsa daripada golongan guru, peguam, jurutera malah pengawal keselamatan juga turut diperdaya sindiket Macau Scam," katanya dihubungi di sini semalam.

Sementara itu, Mohd. Kamaruddin berkata, siasatan mendapati golongan wanita paling banyak diperdaya sindiket iaitu wanita berusia 21 hingga 30 tahun.

"Ini kerana mereka mudah panik dan takut apabila dimaklumkan akan ditangkap dan direman berkaitan kes-kes jenayah walhal semuanya palsu," katanya.

Menurut beliau, sebanyak 3,087 individu yang terlibat dalam penipuan ditahan manakala 1,522 kes berjaya didakwa di mahkamah pada tahun lalu.

Menurut beliau, pihaknya sentiasa berusaha untuk membantaras kegiatan penipuan si-



**Pekerja swasta adalah golongan profesion paling banyak yang ditipu apabila sebanyak RM175.44 juta membabitkan 6,275 orang dalam tempoh itu.**

ber antaranya mencadangkan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memperketatkan pembukaan akaun bank.

"Kita juga ada menyarankan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi memperketatkan syarat pendaftaran nombor telefon.

"Antara langkah diambil dengan menyekat nombor telefon dan akaun keldai digunakan bagi jenayah tersebut mewujudkan 'Semak Mule' bagi kemudahan orang awam membuat semakan jika nombor telefon dan akaun bank pernah ada laporan polis," ujar beliau.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan rakyat Malaysia mudah terpedaya dengan ancaman siber kerana sikap cuai pengguna internet ketika melakukan transaksi secara dalam talian.

Mereka memilih kata laluan ringkas dan menggunakan capaian internet terbuka di premis perniagaan sehingga mudah digodam.

Akibatnya, sebanyak 41,639 kes ancaman siber direkodkan dalam tempoh lima tahun sejak 2017 hingga 2021 yang membabitkan kandungan, penggodaman, pencatatan laman web, buli siber (*cyber harassment*), perisian hasad (*malware*), pancingan (*phishing*), spam, kod berbahaya dan penipuan.

Jumlah itu melibatkan 8,523 kes pada 2017, 11,055 kes (2018), 10,982 kes (2019), 11,386 kes (2020) dan 10,433 insiden untuk tahun lalu.